

Apa-apa yang disebut secara samar dan tidak terang di dalam al-Qur'an, tidak ada faedah mengetahuinya.

الأَصْلُ أَنْ مَا أُبْهِمَ فِي الْقُرْآنِ فَلَا طَائِلَ فِي مَعْرِفَتِهِ.

قاعدة 28

Keterangan: Apa-apa yang sememangnya diperlukan dan tidak dapat tidak mesti diketahui oleh manusia kerana ia berkaitan dengan soal hidayat dan panduan untuk mereka, tentulah disebut oleh Allah di dalam al-Qur'an dengan terang dan jelas. Berhubung dengan perkara-perkara seperti itulah al-Qur'an dikatakan telah diturunkan تبييناً لكل شيء (untuk menjelaskan tiap-tiap sesuatu). Adapun berkenaan

dengan perkara remeh-temeh dan perincian yang tidak berfaedah kepada iman dan amalan manusia, maka itu tidak diceritakan di dalam al-Qur'an. Sebagai contohnya nama-nama Ashabul Kahfi, nama anjing mereka, berapa panjang tongkat Nabi Musa, berapa ukuran lilitannya dan ia daripada kayu apa, berapa panjang dan lebar pula bahtera Nabi Nuh a.s., ia diperbuat daripada kayu apa, empat ekor burung yang dicancang oleh Nabi Ibrahim dan diletakkan di atas empat puncak bukit untuk membuktikan bagaimana Allah menghidupkan semula orang-orang yang telah mati itu burung jenis apa dan empat bukit itu bukit mana pula? Semua itu tidak ada faedahnya diketahui oleh manusia untuk kesempurnaan iman dan amalnya. Maka tidak perlulah pelajar-pelajar al-Qur'an menyibukkan diri menghabiskan masa untuk mengetahuinya. Apa lagi kalau ia hanya terdapat dalam longgokan riwayat-riwayat Israiliyyat yang karut-marut.

Panduan daripada al-Qur'an dalam menghadapi persoalan-persoalan seperti ini dapat diperolehi daripada firman Allah berikut:

سَيَقُولُونَ ثَلَاثَةً رَّابِعُهُمْ كَلْبُهُمْ وَيَقُولُونَ خَمْسَةً سَادِسُهُمْ كَلْبُهُمْ رَجْمًا بِالْغَيْبِ وَيَقُولُونَ سَبْعَةً وَتَأْمِنُهُمْ كَلْبُهُمْ قُل رَّبِّي أَعْلَمُ
بِعِدَّتِهِمْ مَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا قَلِيلٌ فَلَا تُمَارِ فِيهِمْ إِلَّا مِرَاءً ظَاهِرًا وَلَا تَسْتَفْتِ فِيهِمْ مِنْهُمْ أَحَدًا ﴿٢٢﴾

Maksudnya: (Sebahagian dari) mereka akan berkata: Bilangan Ashabul Kahfi itu tiga orang, yang keempatnya ialah anjing mereka dan setengahnya pula berkata: Bilangan mereka lima orang, yang keenamnya ialah anjing mereka sebagai terkaan terhadap barang yang gaib dan setengahnya yang lain berkata: Bilangan mereka tujuh orang dan yang kedelapannya ialah anjing mereka. Katakanlah (wahai Muhammad): Tuhanku lebih mengetahui akan bilangan mereka, tiada yang mengetahui bilangannya melainkan sedikit. Kerana itu janganlah kamu (Muhammad) bertengkar tentang hal mereka, kecuali pertengkar lahir saja dan jangan kamu menanyakan tentang mereka (pemuda-pemuda itu) kepada seorangpun di antara mereka (Ahli Kitab). (al-Kahfi:22).